

Tokoh perjudi jawatan

Oleh ASRON MUSTAPHA
mohdasron@kosmo.com.my

JOHOR BAHRU – Pendekatannya untuk membawa perubahan dalam bidang pendidikan yang mendapat tentangan ramai nyata memperjudikan jawatannya sebagai Pengarah Pendidikan Negeri.

Namun, ancaman akan kehilangan jawatan bukan satu alasan bagi Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Wan Mohd. Noordin, 67, berundur daripada prinsip dan tekad yang dipegangnya iaitu membawa kemajuan kepada bidang pendidikan.

Berbanding pendekatan memberi arahan bertulis atau lisan serta meletakkan sasaran yang perlu dicapai setiap sekolah, pemikiran rasional 'ciptaannya' pula memberi kebebasan kepada pendidik mengembangkan idea kreatif yang sesuai dengan persekitaran sekolah masing-masing untuk mencapai sasaran kece merlangan.

"Pendekatan rasional ini memberi autonomi kepada guru untuk membentuk metod yang sesuai dengan matlamat yang telah saya gariskan," katanya selepas menerima anugerah Tokoh Kepimpinan Pengurusan Pendidikan 2007 sempena Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2007, di Persada Johor malam tadi.

Anugerah yang melayakkannya menerima hadiah wang tunai RM10,000, pingat emas, plak dan piala disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Wan Mohd. Zahid berkata, beliau mula memperkenalkan idea itu ketika menjadi Pengarah Pen-



GERALD LEE (kanan) mengucapkan tahniah kepada Abdul Majid sambil diperhatikan oleh Mohamad (dua dari kiri) dan Wan Mohd Zahid di Johor Bahru semalam.

didikan Negeri Sembilan pada 1980 hingga 1982.

Beliau yang kini menjadi Pengerusi Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengakui menghadapi cabaran hebat ketika menjadi Pengarah Pendidikan Kelantan dari 1982 hingga 1986 apabila prestasi akademik negeri itu adalah yang tercorot dan ramai guru enggan bertugas di sana kerana faktor persekitaran serta tekanan politik.

Namun, melalui sesi dialog yang dijalkannya dengan guru, prestasi akademik Kelantan me-

ingkat dalam tempoh dua tahun kemudian sehingga menjadi antara 10 negeri yang terbaik dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sementara itu, tiga orang turut dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan 2007 iaitu Datuk Mohamad Mustaffa, 62, Datuk Abdul Majid Omar, 66, dan Gerald Lee Leong Ai, 63.

Mohamad memulakan kerjayanya sebagai guru pada 1970 di Sekolah Menengah Ibrahim Fikri,

Kuala Terengganu sebelum dilantik sebagai Pengetua pertama Sekolah Menengah Sains Terengganu (SMST) pada 1972.

Bagi Abdul Majid yang kini menjadi Timbalan Mufti Selangor menganggap tugas mendidik adalah perbuatan jihad dan wajib kepada setiap umat Islam.

Sementara Leong Ai yang juga Pengarah dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sekolah Lodge, Kuching, Sarawak mengakui tugas guru bukan mudah dan terpaksa berdepan pelbagai cabaran.